

sokongan yang telah diberikan dalam memajukan Negeri Sabah, meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, serta bantuan yang diberikan untuk menangani impak COVID-19 kepada rakyat Sabah.

34. Saya mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua petugas barisan hadapan termasuk Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam, ESSCOM, Kastam DiRaja Malaysia, RELA, agensi dan petugas di peringkat daerah, Sabah COVID-19 Command Centre, Pusat Operasi Pengurusan Bencana dan semua pihak yang terlibat dalam menangani, membendung penularan wabak Covid-19, serta memastikan Perintah Kawalan Pergerakan dipatuhi oleh semua rakyat.

35. Akhir kata, saya sekali lagi menyeru semua pihak agar terus berganding bahu dan bersama-sama memajukan Negeri Sabah yang tercinta ini. Semoga Allah melimpahkan rahmat-Nya dan sentiasa melindungi kita semua agar dapat menikmati kehidupan ini dengan penuh keharmonian, sihat dan sejahtera.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN DASAR KERAJAAN

OLEH

TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH

TUN DATUK SERI PANGLIMA

(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN

BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMBUKAAN

MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH

YANG KELIMA BELAS

PADA 16 APRIL 2020

Bismilahir Rahmanir Rahim,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Dewan yang mulia ini sempena Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Kelima Belas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ekonomi global masa kini berada dalam situasi tidak menentu akibat wabak COVID-19 yang turut memberikan impak besar kepada ekonomi negara kita. Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara mulai 18 Mac 2020 yang kemudiannya telah dilanjutkan ke fasa ketiga sehingga 28 April 2020 bagi membendung penularan virus ini, ternyata telah menjelaskan pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial masyarakat kecuali bagi sektor-sektor dan perkhidmatan yang penting (*essential services*). Sepanjang tempoh PKP, rakyat terpaksa mengehadkan pergerakan dan menyesuaikan diri untuk bekerja dari rumah. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menasihati seluruh rakyat agar sentiasa mengamalkan penjagaan kebersihan diri dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

3. Kerajaan Negeri sememangnya amat prihatin dan memahami kesulitan rakyat dan aktiviti perniagaan yang terjejas akibat wabak

Jawatankuasa Agihan pula akan memastikan semua agihan dana zakat dapat disampaikan kepada kumpulan asnaf dan mereka yang berhak. Bagi memastikan dana zakat ini sampai kepada yang berhak, Kerajaan bercadang melantik satu pemegang amanah Jawatankuasa Masjid di seluruh Sabah sebagai agen untuk mengagihkan dana zakat kepada ahli-ahli kariah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

31. Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mencapai sasaran kutipan hasil negeri pada tahun 2020. Untuk memastikan sasaran tersebut dapat dicapai, Kerajaan akan menggembung segala usaha dan tenaga ke arah mengukuh dan meningkatkan hasil negeri melalui tuntutan ke atas amaun pembayaran Royalti Petroleum dan Pembayaran Khas Persekutuan serta mengenal pasti sumber-sumber hasil berpotensi yang lain. Kerajaan Negeri juga akan meningkatkan kualiti Sistem Penyampaian Perkhidmatan Pembayaran yang lebih mesra pelanggan dan pantas.

32. Bagi memastikan matlamat dan strategi Bajet Negeri 2020 tercapai, tumpuan akan diberikan kepada usaha-usaha meningkatkan lagi kecekapan pengurusan kewangan tahun semasa dan merasionalisasikan pengurusan sumber dan perkhidmatan. Kerajaan Negeri akan menekankan dasar perbelanjaan berhemat dan berintegriti melalui penguatkuasaan ke atas pemantauan peraturan dan garis panduan yang ditetapkan ke arah menangani ketirisan, pembaziran dan pemborosan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

33. Adalah diharapkan agar hubungan di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan akan terus kukuh demi kesejahteraan rakyat di negeri ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas segala bantuan dan

selaras dengan konsep Pengurusan Hutan Mampan untuk jangka masa panjang dan bukan hanya fokus kepada eksplotasi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Dari segi pengurusan Hal-Ehwal Anak Negeri, sebanyak enam (6) buah Mahkamah Anak Negeri (MAN) iaitu di Tuaran, Lahad Datu, Kudat, Penampang, Keningau dan Sandakan telah siap dibina. Terdapat dua (2) buah Mahkamah Anak Negeri yang sedang dalam pembinaan iaitu Tambunan dan Ranau yang dijangka siap pada tahun ini. Ini diikuti dengan pembinaan Mahkamah Anak Negeri Daerah Semporna dan Daerah Papar yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) pada tahun 2021.

29. Kerajaan akan terus melaksanakan tanggungjawabnya dalam pembangunan syiar Islam melalui pembinaan masjid-masjid baharu, menaik taraf masjid dan surau untuk keselesaan beribadah. Ini secara tidak langsung akan menyediakan fasiliti untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti pembangunan ummah. Pembinaan sekolah-sekolah agama baharu serta menaik taraf sekolah-sekolah agama yang sedia ada bagi menampung keperluan semasa akan turut diberi keutamaan. Dalam mewujudkan penyediaan kemudahan perkhidmatan Mahkamah Syariah yang lebih menyeluruh, beberapa perancangan projek pembinaan Mahkamah Syariah di negeri Sabah telah pun diluluskan dan dirancang untuk Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

30. Dalam aspek pengurusan zakat, Kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa kutipan dan agihan zakat. Peranan Jawatankuasa Kutipan adalah untuk memastikan kutipan zakat dapat diurus dengan lebih efisien melalui penyusunan semula ahli profesional yang kompeten agar ianya setaraf pengurusan organisasi korporat.

COVID-19. Justeru, Kerajaan Negeri telah melancarkan Pakej Bantuan Covid-19 Sabah, "Sabah, We Care" berjumlah RM670 juta yang bersifat inklusif. Pakej ini meliputi bantuan kepada pelbagai golongan rakyat yang terjejas, petugas barisan hadapan, usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta peniaga kecil.

4. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil tindakan wajar dan pantas dengan menubuhkan Sabah COVID-19 Command Centre untuk membendung penularan wabak COVID-19. Sabah COVID-19 Command Centre telah dipertanggungjawabkan untuk membuat keputusan-keputusan penting bagi pihak Kerajaan Negeri, penyelarasaran pelaksanaan bantuan dan tindakan serta menyelaras maklumat dan status semasa ancaman wabak COVID-19 di Sabah. Pusat Pengurusan Bencana di bawah Sabah COVID-19 Command Centre turut dibuka bagi memudahkan penyaluran maklumat kepada rakyat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses menyediakan Pakej Rangsangan Ekonomi Sabah untuk merangsang pertumbuhan dan mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi negeri. Objektif utama Pakej Kedua ini adalah untuk menyuntik keyakinan para pelabur dan komuniti perniagaan terhadap pertumbuhan ekonomi negeri sebaik sahaja tempoh PKP ini berakhir. Kerajaan perlu membantu para pelabur dan komuniti perniagaan bukan sahaja dalam usaha pemulihan, tetapi juga untuk memastikan perkembangan dan kesinambungan hala tuju perniagaan mereka.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

6. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri

serta Ahli-Ahli Jemaah Menteri atas pelbagai pembaharuan dan inisiatif penambahbaikan walaupun berhadapan dengan beberapa cabaran dan kekangan. Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan pelbagai penambahbaikan dalam pentadbiran bagi mengurangkan karenah birokrasi, mempercepatkan kelulusan-kelulusan untuk menjalankan perusahaan, perniagaan dan menarik lebih ramai pelabur ke negeri ini. Untuk mempercepatkan inisiatif penambahbaikan tersebut dan impak segera kepada prestasi penyampaian perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran tempoh lima (5) tahun iaitu tahun 2020 - 2024 untuk mencapai status *Smart Digital Government*. Dalam tempoh ini, pentadbiran negeri akan ditransformasikan secara berperingkat iaitu daripada digital automation, kepada digital transformation, dan akhirnya kepada *digital innovation*. Konsep kerajaan digital ini berteraskan pendekatan 5A iaitu *Accessible by Anyone at Any Time, Any Where, by Any Mobile Device*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

7. Kerajaan Negeri telah memansuhkan Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa (Central Board) dan digantikan dengan Majlis Perancang Negeri (MPN) (State Planning Council). MPN berperanan sebagai penggubal polisi-polisi perancangan di peringkat tertinggi bagi pembangunan fizikal di Negeri Sabah. Penurunan kuasa telah diberikan kepada Pihak Berkusa Tempatan (PBT) bagi membolehkan PBT mempertimbangkan dan meluluskan Pelan Pembangunan melalui Pusat Hentian Setempat (PHS). Keputusan tersebut bertujuan mempercepatkan kelulusan Pelan Pembangunan kepada pemaju tanpa menjelaskan kualiti projek pembangunan serta menangani isu-isu kelewatan yang boleh mengakibatkan kehilangan pelaburan. Kerajaan Negeri juga telah mula melaksanakan sistem ePP atau *Electronic Planning Permission* bagi membolehkan kelulusan Pelan Pembangunan diberikan dalam tempoh 24 jam.

25. Inisiatif Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan wanita dan program kesejahteraan keluarga ke arah mewujudkan dan memantapkan keharmonian masyarakat telahpun membawa hasil dan akan terus diperhebatkan. Saya bersyukur atas keprihatinan Kerajaan dalam memastikan warga emas dan golongan kurang upaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara, memastikan kepentingan dan kebajikan mereka terpelihara dan pada masa yang sama memberi perhatian kepada kelengkapan keperluan mereka yang bersifat mesra-pengguna (*user friendly*).

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

26. Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan polisi agar kawasan hutan yang mempunyai nilai biologi yang tinggi dijadikan *Totally Protected Areas* (TPA) tidak kurang daripada 30 peratus keseluruhan keluasan negeri menjelang tahun 2025. Setakat ini, keluasan hutan yang telah diisyiharkan sebagai TPA telah mencapai 1.9 juta hektar atau 25%. Pencapaian ini menjadikan Negeri Sabah sebagai negeri yang mempunyai kawasan TPA yang terbesar di Malaysia. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan dan memperbanyakkan program-program berkaitan dengan pemulihan semula hutan (*Forest restoration*) dan perlindungan spesis ikonik dan unik seperti orang utan, *pygmy elephants*, *sun bear* dan sebagainya. Bagi melindungi kawasan TPA, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Sabah telah menubuhkan skuad *Enforcement, Tactical, Operational and Protection* yang bertanggungjawab untuk membanteras pemburuan haram dan lain-lain jenayah hutan.

27. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan mengukuhkan pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan dengan membuat penilaian ke atas pencapaian dan kemajuan semua pemegang Sustainable Forest Management License Agreement (SFMLA) untuk memastikan pemaju benar-benar komited untuk mengurus kawasan

yang sama, Kerajaan Negeri telah melancarkan pelan pembangunan luar bandar menyeluruh iaitu Pelan Strategik Pembangunan Luar Bandar Sabah 2021 – 2025. Pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Luar Bandar Sabah ini telah mengenal pasti lapan (8) teras, 48 strategi dan 216 program yang memberikan keutamaan kepada penyediaan kemudahan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang lengkap dan berkualiti, dan pembangunan ekonomi luar bandar yang berdaya maju. Pelan pembangunan tersebut merupakan panduan holistik Kerajaan Negeri dalam usaha menyejahterakan penduduk luar bandar.

23. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi tumpuan untuk meningkatkan dan menambahbaik perkhidmatan kesihatan kepada rakyat terutamanya dalam pelaksanaan program-program peningkatan kualiti kesihatan awam. Usaha untuk memastikan hospital di Negeri Sabah berupaya memenuhi keperluan standard perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* akan terus diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri akan memastikan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada jumlah *Klinik Kesihatan Jenis Lima* menerima lawatan pakar perubatan keluarga setiap bulan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

24. Kerajaan Negeri terus komited dalam mengukuhkan dan memajukan bidang sukan dan golongan belia selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Belia Negeri Sabah dan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Negeri Sabah. Usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan belia dan memajukan sukan di negeri ini akan diteruskan terutama dalam melahirkan atlet yang berkualiber di samping membuat penganjuran dan penyertaan sukan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

8. Kerajaan Negeri akan terus mengambil langkah proaktif dalam menterjemahkan dasar-dasar strategik yang terkandung di dalam Pelan Struktur Sabah 2033. Penyediaan Pelan Daerah dan Pelan-Pelan Tempatan yang merangkumi pengezonan kawasan akan dilakukan mengikut kesesuaian cadangan gunatanah, pematuhan piawaian dan garis panduan pembangunan sedia ada. Pelaksanaan pelan-pelan tempatan akan dijadikan sebagai mekanisma kawalan pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Sabah. Kerajaan Negeri juga akan terus komited menyelaras pembangunan perumahan melalui Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Sabah, iaitu pembangunan perumahan mampu milik kepada golongan sasaran seiring dengan hasrat untuk memastikan pembangunan sektor perumahan terus berdaya huni, teratur dan dapat dinikmati oleh semua kumpulan sasaran yang ditetapkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memansuhkan dasar tanah geran komunal. Pada tahun 2019, sebanyak 48 geran komunal telah dimansuhkan di seluruh Negeri Sabah melibatkan tanah seluas 51,169 ekar. Sebanyak 6,346 lot telah berjaya diukur di bawah Program Khas Anak Negeri. Semenjak Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk memansuhkan geran-geran komunal dan menggantikannya dengan geran tanah anak negeri individu pada tahun 2018, Kerajaan Negeri telah berjaya mengeluarkan sebanyak 9,339 geran tanah individu kepada anak-anak negeri di seluruh Sabah. Di samping itu, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan atau membubarkan seluas 1,637 hektar pelbagai kawasan hutan simpan bagi membolehkan perkampungan

yang telah wujud sekian lama berada di dalam kawasan tersebut diwartakan sebagai rizab kampung di bawah Ordinan Tanah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

10. Kerajaan Negeri telah membuat penjajaran semula supaya dasar pembangunan negeri berada di landasan yang lebih kukuh. Pada tahun ini, usaha-usaha untuk merancakkan pembangunan akan menumpu kepada pertumbuhan sektor-sektor produktif negeri yang utama iaitu perindustrian, pelancongan dan pertanian. Sektor perindustrian akan diberikan tumpuan, khususnya sektor pembuatan sebagai pemangkin untuk menjana lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat. Usaha-usaha yang telah dimulakan ini, akan diteruskan dan diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), 2021 - 2025. Ini bertujuan mempercepatkan lagi perubahan struktur ekonomi Negeri Sabah kepada sebuah negeri berdasarkan perindustrian. Penekanan Kerajaan Negeri kepada sektor perindustrian akan menumpu kepada "*clean and environmental friendly industries*". Ini adalah selari dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk terus menekankan perlindungan kepada alam sekitar.

11. Dalam usaha memperkasa sektor perindustrian, termasuk industri perkayuan serta industri minyak dan gas, Kerajaan Negeri sedang dalam proses menyediakan *Sabah Industrial Master Plan* dan *Sabah Oil and Gas Industrial Master Plan*. Usaha-usaha akan diambil untuk memperkuatkhan institusi sedia ada, termasuk penubuhan institusi baharu seperti *Invest Sabah* yang akan mempromosi peluang-peluang pelaburan di Negeri Sabah. *Free Economic Zone* juga akan dibangunkan di Taman-taman Perindustrian strategik untuk menarik lebih ramai pelabur untuk melabur di Negeri Sabah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Kerajaan Negeri akan menekankan pembangunan yang lebih seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah memulakan usaha bagi memastikan setiap daerah menyediakan Pelan Pembangunan Daerah yang akan diintegrasikan dengan Pelan Tempatan daerah berkenaan. Pelan tersebut akan menjadi garis panduan untuk membangunkan daerah masing-masing di samping menjana lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk luar bandar.

21. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk mengurangkan insiden kemiskinan dengan melaksanakan program-program peningkatan ekonomi setempat, pembinaan rumah untuk golongan termiskin, penyediaan kemudahan asas dan peningkatan kapasiti modal insan kumpulan sasar di bawah Program Mini Estet Sejahtera dan Program Kampung Sejahtera. Program Kampung Sejahtera bertujuan untuk mentransformasikan kampung-kampung mundur secara holistik dengan melibatkan tiga aspek utama iaitu pembangunan modal insan, kemajuan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup. Program Pelancongan Luar Bandar berdasarkan *Community Based Tourism*, program Rumah Sejahtera Rakyat Sabah (RSRS), program Bekalan Elektrik Luar Bandar Alternatif dan Bekalan Air Luar Bandar Alternatif juga akan dilaksanakan pada tahun ini.

22. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Sistem Aplikasi Profail Kampung Negeri Sabah iaitu sebuah pangkalan data yang mengandungi profil semua kampung di negeri ini untuk tujuan menambahbaik perancangan pembangunan luar bandar. Pada masa

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. Saya menyambut baik usaha-usaha berterusan Kerajaan Negeri untuk memperkasa pembangunan modal insan ke arah melahirkan generasi yang kompeten, berdaya tahan dan berintegriti supaya mampu memartabatkan Negeri Sabah ke tahap yang lebih tinggi. Hala tuju pendidikan di Negeri Sabah hendaklah digerakkan selari dengan Dasar Pendidikan Negara untuk memastikan modal insan yang dilahirkan adalah terdiri daripada 30 peratus pekerja yang berkemahiran tinggi dalam pasaran guna tenaga dan memenuhi pasaran kerja. Strategi transformasi modal insan perlu mencakupi modal intelek, kreativiti, inovatif, kemahiran seni, berupaya menyelesaikan pelbagai masalah serta diterapi dengan nilai murni positif. Dalam era revolusi industri 4.0 ini, adalah kritikal untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran menguasai teknologi ICT dan digital selari dengan usaha Kerajaan Negeri untuk bergerak pantas dan maju ke hadapan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang menyediakan Kajian *Human Capital Development Blueprint*, 2021-2035 yang akan digunakan sebagai garis panduan pembangunan modal insan di Negeri Sabah.

19. Kerajaan Negeri komited untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pencapaian akademik dengan harapan dapat melahirkan para pelajar dengan minda kelas pertama. Justeru itu, Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan untuk pemberian biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajar negeri. Tumpuan juga akan diberi kepada penambahan dan menaiktaraf kemudahan dan perkhidmatan pendidikan. Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk menangani isu sekolah-sekolah daif di Negeri Sabah melalui kerjasama yang lebih erat dengan kementerian berkenaan di peringkat persekutuan. Bagi meningkatkan lagi kepakaran, kemahiran dan kecekapan para penjawat awam, peruntukan juga disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk penjawat awam melanjutkan pelajaran atau mengikuti kursus-kursus strategik di pusat-pusat pengajian berprestij dan berprestasi tinggi di dalam dan luar negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. Dalam usaha untuk menggalakkan industri hiliran berasaskan kayu kayan, Kerajaan Negeri telah menghentikan pengeksportan kayu balak ke luar negeri. Melalui langkah ini, Kerajaan Negeri berharap lebih banyak peluang pekerjaan baharu diwujudkan dalam industri hiliran berasaskan kayu kayan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan memberi sumbangan kepada ekonomi negeri. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan meningkatkan penanaman spesis pokok yang sesuai secara besar-besaran bagi memastikan bekalan kayu yang mencukupi untuk industri ini.

13. Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga akan diberi tumpuan oleh Kerajaan Negeri sebagai industri pendukung utama dan pemangkin kepada industri pembuatan. Portal Usahawan yang dinamakan *Sabah Entrepreneurs Information System (SENTIS)* sedang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelaras, memantau dan memudahkan cara pembangunan usahawan di Negeri Sabah secara menyeluruh.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

14. Sektor pelancongan telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun 2019 melalui peningkatan jumlah ketibaan pelancong, iaitu dengan kadar 8.2 peratus atau sebanyak 4.19 juta pelancong berbanding tahun sebelumnya. Sumbangan perbelanjaan pelancongan pula adalah sebanyak RM9.01 bilion. Bilangan penerbangan terus antarabangsa juga telah bertambah. Pada tahun ini, sasaran jumlah ketibaan pelancong dijangka sukar dicapai disebabkan isu penularan wabak COVID-19 yang memberi impak negatif kepada ekonomi global khususnya sektor pelancongan di Negeri Sabah.

15. Keindahan dan kekayaan flora dan fauna serta aset-aset semulajadi di Negeri Sabah menjadi tarikan dan tonggak utama sektor pelancongan. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan memberi fokus dan mengambil inisiatif untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam semulajadi. Dalam usaha memperluaskan Kawasan Perlindungan Marin kepada 13 peratus menjelang tahun 2023, dua ekspedisi saintifik telah dijalankan untuk menilai kesesuaian perairan Teluk Darvel, Lahad Datu dan perairan Pulau Mantanani, Kota Belud sebagai Taman-Taman Marin. Di samping itu, sebaik wabak COVID-19 ini berakhir, Kerajaan Negeri akan membangunkan lebih banyak produk-produk pelancongan termasuk produk-produk dan destinasi-destinasi pelancongan yang unik di kawasan luar bandar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Kerajaan Negeri mengiktiraf peranan sektor pertanian dalam menyediakan hasil keluaran makanan kepada rakyat, peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan serta sumber bahan mentah kepada sektor pembuatan. Sektor pertanian akan terus diberi perhatian supaya dapat membangun seiring dan saling melengkapi dengan sektor-sektor pertumbuhan yang lain. Kerajaan Negeri telah menyediakan Rangka Tindakan Pertanian Sabah 2021-2030 (*Sabah Agriculture Blueprint 2021-2030*) yang menjadi panduan dalam membangunkan sektor pertanian secara terancang untuk tempoh 10 tahun akan datang. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan potensi pertanian yang belum diterokai dan pelaksanaan pelbagai program pembangunan pertanian, perikanan, akuakultur serta penternakan ke arah meningkatkan hasil-hasil keluaran pertanian secara komersial yang bernilai tambah tinggi di Negeri Sabah. Kerajaan Negeri akan beralih daripada kebergantungan kepada hanya satu tanaman pertanian seperti kelapa sawit kepada kepelbagaian tanaman dan peningkatan

pengeluaran makanan terutamanya padi, buah-buahan dan sayur-sayuran berpremium tinggi. Dalam keadaan yang tidak menentu ini, Kerajaan akan memastikan bekalan makanan adalah mencukupi untuk menampung keperluan penduduk. Sektor pertanian akan diperkuuhkan lagi dengan penggunaan teknologi moden bagi menambah produktiviti, pembangunan R&D, latihan, akreditasi dan program berkaitan Amalan Pertanian Terbaik. Negeri Sabah bakal menjadi hab makanan di rantau Asia terutama sekali untuk memenuhi keperluan permintaan yang tinggi dari pasaran yang besar seperti Negara China.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

17. Kerajaan Negeri akan terus memberikan keutamaan kepada pembangunan “pembolehdaya” atau *enablers*. Ini termasuklah peningkatan liputan jalan raya, liputan ICT, penyediaan sistem pembetungan, penambahbaikan sistem pengangkutan awam, penyediaan bekalan air bersih dan terawat, penyediaan bekalan elektrik yang boleh harap serta kemudahan pelabuhan dan logistik yang efisien. Untuk mencapai tahap negeri *digitalised* sepenuhnya menjelang tahun 2025, infrastruktur ICT akan dimantapkan dengan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih meluas. Inisiatif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara akan dimanfaatkan sepenuhnya dengan 165 lokasi dikenal pasti untuk peluasan Liputan Jalur Mudah Alih dan 20,697 pelanggan akan mendapat kemudahan naik taraf Streamyx sedia ada kepada Jalur Lebar Gentian Optik tahun ini. Projek-projek berimpak tinggi seperti Leburaya Pan Borneo, Jalan Kalabakan/Serudong-Semanggaris, Empangan Papar, Upper Padas Hydro Power, Pembesaran Sapanggar Bay Container Port dan lain-lain akan turut dilaksanakan.